

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

21. Apakah benar projek terowong akan dibayar kepada syarikat konsesi melalui anugerah tanah seluas 10 ekar di Sri Tanjung Pinang dan 100 ekar di Gurney Drive dengan konsesi 30 tahun.
- (a) Kenapa syarikat konsesi membangunkan dan menjual Projek *City Of Dream* Fasa 1 bernilai RM800 juta sedangkan laporan dan projek terowong belum selesai?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Tanah seluas 110 ekar di kawasan Sri Tanjung Pinang 1 (STP1), Sri Tanjung Pinang 2 (STP2) dan Gurney Wharf adalah untuk pembayaran keseluruhan projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut. Tanah tersebut bukan untuk projek terowong dasar laut sahaja.

Berdasarkan perjanjian awalan yang dimeterai oleh pihak Kerajaan Negeri dengan CZC, tempoh konsesi bagi projek terowong adalah tidak kurang daripada 30 tahun sekiranya projek terowong dilaksanakan. Pemberian tempoh konsesi oleh Kerajaan Negeri adalah bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan terowong dasar laut.

- (a) Setakat ini, tiada bayaran dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kepada CZC untuk penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan bagi projek Terowong Dasar Laut. Pembayaran oleh pihak Kerajaan Negeri kepada CZC adalah bagi penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan dan reka

bentuk terperinci bagi Projek Jalan-Jalan Utama sahaja menerusi pemberimilikan tanah Lot 702 dan Lot 713 di kawasan STP 1 dengan jumlah keluasan keseluruhan 5.67 ekar.

Projek *City Of Dreams* Fasa 1 dilaksanakan oleh pihak pemaju di tanah Lot 702 tersebut setelah mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).